

PROGRAM DENAI SUNGAI MELAYU

| | |
|--|---|
| What (Nama Program) | Program Denai Sungai Melayu |
| Where (Tempat program) | SUNGAI MELAYU, JOHOR BAHRU |
| Who (Siapa yang terlibat, siapa perasmi) | Peserta: 100 orang |
| When (Tarikh program) | 16-17 Disember 2022 |
| Why (objektif) | <p>Program ini dilaksanakan untuk mencapai objektif berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">• Menarik minat dan penglibatan penduduk setempat dan orang awam akan aktiviti di sekitar sungai• Memupuk kesedaran, tanggungjawab dan semangat sukarelawan dalam kalangan masyarakat terhadap keperluan memulihara sungai-sungai.• Membuka peluang kepada orang awam dan penduduk setempat untuk mengenali, memelihara dan menghargai flora dan fauna paya bakau. |
| How (pelaksanaan) | <p>SIRI 1 : PEMINDAHAN ILMU</p> <p>Sesi pemindahan ilmu ini bertujuan untuk memberi penerangan kepada fasilitator yang bertugas untuk membantu para peserta sepanjang program ini dalam menggunakan aplikasi i-Naturalist. Penceramah yang dijemput untuk memberi penerangan mengenai i-Naturalist kepada fasilitator ialah Prof Rafee/Dr Adila.</p> <p>SIRI 2: EXPLORACE</p> <p>Siri Explorace ini melibatkan beberapa buah kumpulan yang terdiri dari 5 ahli kumpulan. Pada setiap check-point, para fasilitator yang bertugas akan memberi tugas yang perlu dirungkai dan diselesaikan oleh setiap ahli kumpulan. Aktiviti ini berkait rapat dengan pemuliharaan sungai dan pengetahuan yang menarik terdapat di Sungai Melayu. Sebagai contoh, aktiviti mengutip sampah di sungai, perbandingan warna sungai di beberapa tempat dan sebagainya. Para peserta perlu melengkapkan kesemua checkpoint untuk sampai ke penghujung</p> |

| | |
|--|--|
| | <p>destinasi. Jelas sekali, aktiviti ini mendekati para peserta kepada persekitaran sungai dan membuka minda akan kepentingan memulihara sungai demi kelangsungan sosial dan alam sekitar.</p> <p>SIRI 3 : EXPLORE NATURE X RIVER CRUISING</p> <p>Dalam siri ini, para peserta dapat mengenali spesies tumbuhan dan hidupan yang terdapat di sekitar Sungai Melayu. Aktiviti ini akan dipimpin oleh river guide yang terdiri dari penduduk asal kampung. Selain itu, penggunaan aplikasi iNaturalist diperkenalkan kepada para peserta. Dengan memuat naik gambar tumbuhan atau hidupan yang dijumpai, nama spesies dapat diketahui dengan mudah dan tepat. Kepakaran river guide tentang kehidupan di Sungai Melayu yang diketahui secara umum dapat ditambah baik dengan spesifikasi secara saintifik menggunakan aplikasi ini. Hal ini meningkatkan pengetahuan am dan kepentingan akan kelestarian hidupan lain yang terdapat di sungai-sungai. Oleh itu, sejurus program berakhir, diharapkan agar orang awam mampu untuk meneruskan penerokaan akan kepentingan sungai ini disamping menjaga kebersihannya.</p> |
| <p>Pencapaian (Sekiranya ada)</p> | |
| <p>Saiz gambar</p> |  <p>The image block contains four photographs documenting the event. Top-left: A group of five people, including a guide and participants, standing in a boat. Top-right: A group of people wearing life jackets and hats, sitting in a boat on a river. Bottom-left: A large group of people sitting on chairs under a white tent outdoors. Bottom-right: A group of people, including a guide, planting saplings in pots on a wooden deck.</p> |

Hasil Penulisan: Muhammad Iskandar bin Jasman

Program Denai Sungai Melayu

JOHOR BAHRU, 17 Dis. – Kelab Riverdale dengan kerjasama Jawatankuasa Kolej Mahasiswa Kolej Rahman Putra (JKM KRP) telah berjaya menganjurkan satu program berbentuk komuniti iaitu Program Denai Kampung Sungai Melayu yang bertempat di Kampung Sungai Melayu, Johor Bahru pada 9hb, 16hb dan 17hb Disember 2022. Program ini turut menerima kolaborasi dan kerjasama yang erat diantara UTM Campus Sustainability (UTMCS), Jabatan Pengairan dan Saliran negeri Johor serta komuniti masyarakat Kampung Sungai Melayu.

Usaha murni ini turut mendapat sokongan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri Kota Iskandar, Yang Berhormat Datuk Pandak Bin Ahmad di mana beliau turut serta secara langsung dalam pelaksanaan program ini. Program Denai Kampung Sungai Melayu ini mendapat sambutan hangat kerana telah melibatkan sekitar 100 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Antara pihak yang turut terlibat secara langsung adalah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Belia Kampung Sungai Melayu, Belia Flat Kenari dan Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim (IPGKTI). Penyertaan program ini adalah merangkumi segenap golongan masyarakat seperti pelajar dan juga orang awam.

Objektif program adalah untuk memupuk kesedaran, tanggungjawab dan semangat sukarelawan dalam kalangan masyarakat serta kepentingan untuk memelihara dan memulihara sungai. Dengan ini, ia mampu membuka peluang kepada orang awam dan penduduk setempat untuk mengenali dengan lebih mendalam tentang kehidupan flora dan fauna di sekeliling mereka yang menjadi sumber pendapatan pihak penduduk di kampung tersebut. Program ini adalah selaras dengan *Sustainable Development Goals* (SDG) iaitu Sasaran yang Ke-12 dimana untuk mencapai kestabilan dalam penghasilan dan penggunaan sumber semula jadi dalam memastikan kelangsungan hidup yang berkualiti.

Penggunaan aplikasi i-Naturalist adalah salah satu medium yang digunakan untuk mengidentifikasi tumbuhan serta haiwan di sekeliling kampung tersebut. Usaha ini telah diketengahkan oleh Prof Dr. Mohammad Rafee Bin Majid. Oleh itu, pada 9hb Disember 2022, Sesi Pemindahan Ilmu telah diadakan untuk memberi penerangan secara mendalam kepada fasilitator bertugas untuk membantu para peserta sepanjang program ini.

Pada 16hb Disember 2022, pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya adalah aktiviti Explorace. Aktiviti ini memerlukan para peserta dibahagikan kepada lima buah kumpulan yang terdiri dari lima orang. Pada setiap checkpoint, para fasilitator yang bertugas akan memberikan tugas yang perlu dirungkai dan diselesaikan oleh setiap ahli kumpulan. Aktiviti ini berkait rapat dengan pemuliharaan sungai dan fakta yang menarik berkenaan Sungai Melayu. Sebagai contoh, aktiviti mengutip sampah di sungai, perbandingan warna sungai di beberapa tempat dan sebagainya. Para peserta perlu melengkapkan kesemua checkpoint untuk sampai ke penghujung destinasi. Jelas sekali, aktiviti ini mendekatkan para peserta kepada persekitaran sungai dan membuka minda akan kepentingan memulihara sungai demi kelangsungan sosial dan alam sekitar.

Pada hari seterusnya, program ini diteruskan dengan menjalankan aktiviti Explore Nature×River Cruising. Melalui aktiviti ini, para peserta dapat mengenali spesies tumbuhan dan hidupan yang terdapat di sekitar Sungai Melayu. Aktiviti ini akan dipimpin oleh *river guide* yang terdiri dari penduduk asal kampung. Selain itu, penggunaan aplikasi iNaturalist diperkenalkan kepada para peserta dengan memuat naik gambar tumbuhan atau hidupan yang dijumpai, nama saintifik spesies dapat diketahui dengan mudah dan tepat. Kepakaran *river guide* tentang kehidupan di Sungai Melayu yang diketahui secara umum dapat ditambah baik dengan spesifikasi secara saintifik menggunakan aplikasi ini. Hal ini meningkatkan pengetahuan am dan kepentingan akan kelestarian hidupan lain yang terdapat di sungai-sungai.

Kami, dari pihak JKMKRP, berharap agar program ini akan menjadi pencetus kepada warga UTM, terutamanya pelajar Kolej Rahman Putra untuk melibatkan diri secara langsung dalam program-program yang bakal dianjurkan pada masa akan datang bagi menyemarakkan lagi semangat kesukarelawan dalam diri setiap pelajar.

GAMBAR PROGRAM



